

# Kementerian Pendidikan anjur debat Bahasa Arab

**NILAI** - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Sekolah-sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan kali ketujuh dari 16 hingga 20 Ogos ini.

Menurut kenyataan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) kementerian, pertandingan yang akan berlangsung di kampus USIM di sini turut mempertandingkan kategori Jemputan Nusantara melibatkan sekolah menengah antaranya dari Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura.

“Sebanyak 65 pasukan debat akan berentap dalam edisi kali ini yang bertemakan *Bahasa Arab Sumber Inspirasi*,” menurut kenyataan itu.

Pertandingan menawarkan hadiah wang tunai, selain merebut Piala Naib Canselor USIM.

Selain piala pusingan itu, johan akan membawa pulang wang tunai RM2,000 manakala naib johan menerima RM1,000 serta piala iringan dan pendebat terbaik pula menerima wang tunai RM500.

Pada tahun lepas, Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) Tengku Ampuan Jemaah, Selangor muncul johan bagi kategori kebangsaan, manakala kategori Jemputan Nusantara dimenangi oleh Malaysia yang diwakili oleh Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). - Bernama